KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH Ahad			
TARIKH	:	12/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG/JUPEM			

Gunung Jerai 'bercalar'

Pemetaan pergunungan bersistem elak bencana

BH Ahad, 12 Sept 2021_14

Pakar geobencana saran memeta zon bezakan tahap keselamatan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemetaan semula di Gunung Jerai wajar bagi membezakan tahap keselamatan di kawasan berkenaan.

Pakar geobencana, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata bencana yang baru berlaku di Gunung Jerai tidak mengubah struktur tanah, tetapi menyebabkan pelebaran alur, pembentukan alur baharu dan kawasan endapan sungai.

Justeru, katanya, apabila pemetaan dilakukan, beberapa zon dapat dikenal pasti, iaitu zon berisiko tinggi jika aliran puing (kepala air) berlaku lagi, kawasan yang boleh diduduki jika tambah baik dilakukan dan kawasan selamat jika dibiarkan begitu sahaja.

Beliau berkata, pemetaan juga dapat menyaksikan penyebab dan kawasan yang terimpak akibat bencana.

"Pada masa sama, pihak berkuasa boleh merancang tindakan jangka pendek seperti membersihkan kawasan bencana, jangka sederhana seperti kawalan keselamatan sementara dan membina kawalan keselamatan jangka panjang bersifat kekal.

"Saya pasti peristiwa sama sudah berlaku beberapa kali di Gunung Jerai dalam tempoh seabad lalu, tetapi saiznya mungkin kecil dan tidak menyebabkan kematian.

"Fenomena kali ini mungkin yang terbesar pernah dirasai oleh masyarakat yang tinggal di kaki Gunung Jerai ini," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Aliran puing atau fenomena kepala air adalah perkara biasa di kawasan pergunungan.

Di negara ini beberapa peristiwa aliran puing hingga mengorbankan nyawa ialah di Genting Sempah, Pos Dipang, Keningau, Gunung Pulai dan Mersilau.

Ibrahim berkata, banyak kawasan berisiko aliran puing di setiap kaki mana-mana pergunungan.

Katanya, jika pemetaan bersistem dan kawalan arus perdana di seluruh negara dilakukan, kerajaan boleh memastikan setiap kawasan dengan kategori kawasan berisiko tinggi, sederhana atau rendah.

Beliau berkata, kawasan yang baru mengalami aliran debris, lazimnya selamat dan tidak berbahaya kerana semua bahan puing sudah dibawa turun.

"Ketika pemetaan, siasatan terperinci perlu dilakukan jika terdapat puing yang tersangkut di kawasan hulu dan ia perlu dibersihkan.

"Malah, kadar ulangan aliran debris pada satu-satu lembangan lazimnya mengambil masa 30 hingga 50 tahun," katanya.

Bencana aliran puing adalah bencana geologi paling serius di kawasan kaki berbukit atau pergunungan dan antara penyebab kematian tertinggi di negara ini.

Dalam kejadian fenomena kepala air pada 18 Ogos lalu, enam mangsa terkorban dihanyutkan arus deras. Banjir lumpur itu turut menjejaskan kira-kira 800 rumah di Yan dan 200 di daerah Kuala Muda.